



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

16 Jamadilakhir 1443 / 19 Januari 2022

1. Pada hari ini, Rabu 16 Jamadilakhir 1443 bersamaan dengan 19 Januari 2022, sebanyak **29 kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan yang membawa **jumlah keseluruhan kes COVID-19 kepada 15,986 orang**.
 - Daripada jumlah tersebut, **24** adalah kes tempatan manakala **5** adalah kes import.
 - Jumlah kes baru ini adalah hasil daripada **2,380 jumlah ujian makmal** yang dilakukan dalam tempoh 24 jam yang lalu. Oleh itu, kadar kes positif pada hari ini ialah sebanyak **1.2%**.
2. Di kalangan kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan, **satu kes dalam Kategori 4** (memerlukan bantuan oksigen dan di bawah rawatan rapi) dan **tidak ada kes dalam**

Kategori 5 (memerlukan bantuan mesin pernafasan di Unit Rawatan Intensif).

3. **34 kes telah disahkan sembuh** pada hari ini yang membawa jumlah kes yang sembuh di Negara Brunei Darussalam kepada **15,506 kes** manakala jumlah kes aktif ialah sebanyak **378 kes**. Sementara itu, kadar pengisian di pusat-pusat pengasingan di seluruh negara atau *bed occupancy rate* ialah sebanyak **8.9%**.
4. Sehingga kelmarin, 18 Januari 2022, pencapaian Program Vaksinasi Kebangsaan adalah seperti berikut:
 - Kadar keseluruhan penduduk yang telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin ialah **94.7%**;
 - Kadar bagi yang telah menerima dua dos vaksin ialah **93.8%**; manakala
 - Kadar bagi yang telah menerima tiga dos ialah **34.7%**.
5. Bagi sekatan pergerakan yang dijalankan dari jam 12 malam semalam hingga 4 pagi tadi, **sebanyak 1 pelanggaran arahan** telah dikeluarkan denda kompaun di seluruh negara di mana **ianya** adalah pelanggaran arahan untuk berada di rumah.

6. Di kesempatan ini, marilah kita terus berusaha dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing serta mematuhi segala garis panduan Kerajaan dalam menangani penularan wabak COVID-19. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa melindungi Negara Brunei Darussalam dari segala musibah dan bencana khususnya wabak COVID-19.. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin..

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 16 Jamadilakhir 1443H / 19 Januari 2022